

**THE METHODOLOGICAL APPROACHES OF LEGAL ANALYSIS ADOPTED BY
INTERNATIONAL FATWA INSTITUTIONS ON NON-ALCOHOLIC BEER**

**PENDEKATAN KAEDAH ANALISIS HUKUM INSTITUSI FATWA ANTARABANGSA
TERHADAP MINUMAN BIR TANPA ALKOHOL**

Mohamad Ali Mohamad Zakiⁱ & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashimⁱⁱ

ⁱ Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. P153790@siswa.ukm.edu.my

ⁱⁱ (Corresponding author). Profesor & Dekan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. izhar@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 26 August 2025

Revised: 27 September 2025

Accepted: 30 October 2025

Abstract	<p><i>This study investigates the methodological approaches employed by international fatwa institutions in determining the legal rulings on non-alcoholic beer, a contemporary product that visually and terminologically resembles alcoholic beverages yet does not induce intoxication. The analysis encompasses fatwas issued by the Majelis Ulama Indonesia (MUI), the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM), the Islamic Religious Council of Singapore (MUIS), Darul Uloom Deoband India, IslamWeb Qatar, the International Union of Muslim Scholars (IUMS), and various state-level fatwa authorities in Malaysia. Particular attention is devoted to the istinbāt (derivation of rulings) methods adopted in these decisions. The findings reveal notable divergences in opinions, shaped by the respective legal analytical frameworks applied by these institutions or individual scholars. Variations are also evident in the permissible thresholds of alcohol content, ranging from 0.01% to 0.5%, depending on the specific fiqh perspective employed. Ultimately, the study affirms that, through the lens of fiqh methodology, Islam offers dynamic and pragmatic guidance in evaluating contemporary products such as non-alcoholic beer, provided such assessments remain anchored in the principles of maqāṣid al-sharī'ah and are informed by collaboration with relevant technical expertise.</i></p> <p>Keywords: Beer, Institutions, Fatwa, Halal, Intoxication.</p>
Abstrak	<p><i>Kajian ini bertujuan menganalisis pendekatan institusi-institusi fatwa antarabangsa dalam menentukan hukum terhadap minuman bir tanpa alkohol, iaitu produk moden yang menyerupai arak dari segi rupa dan istilah tetapi tidak memabukkan. Kajian ini meneliti fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh institusi seperti Majelis Ulama Indonesia (MUI), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), Darul Uloom Deoband India, IslamWeb Qatar, International Union of Muslim Scholars (IUMS), serta fatwa negeri-negeri di Malaysia. Fokus diberikan kepada kaedah istinbāt yang diaplikasikan dalam penghasilan fatwa. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan pandangan berdasarkan kaedah analisis hukum yang</i></p>

dikeluarkan oleh badan fatwa antarabangsa atau individu dalam penghasilan fatwa. Kadar alkohol yang dibenarkan juga berbeza-beza antara 0.01% hingga 0.5%, bergantung kepada pendekatan fiqh masing-masing daripada sebahagian badan fatwa. Kesimpulannya, melalui kaedah fiqh, Islam mampu memberikan panduan yang dinamik dan realistik dalam menilai produk kontemporari seperti bir tanpa alkohol, selagi ia diasaskan kepada maqāṣid al-syarī'ah syariah dan kolaborasi dengan kepakaran teknikal.

Kata kunci: *Bir, Institusi, Fatwa, Halal, Mabuk.*

PENDAHULUAN

Dewasa ini, arus globalisasi menyaksikan produk antarabangsa kian rancak menembusi pasaran masyarakat Muslim di dunia Islam. Lebih membimbangkan, sebahagian produk ini menggunakan istilah yang mengelirukan seperti beer dan rum. Meskipun kandungannya dikatakan halal namun ianya tetap menimbulkan keraguan dalam kehidupan Masyarakat. Fenomena ini berpunca daripada sikap sebahagian masyarakat Islam yang terlalu mengagumi jenama luar sehingga mengabaikan sensitiviti syariah dan budaya ketimuran (Md Ariffin et al. 2024).

Nama-nama tersebut bukan sekadar label komersial tetapi mencetuskan normalisasi istilah haram dalam kehidupan seharian. Malah sekiranya tidak diteliti dengan betul, tidak mustahil produk seperti ini boleh terdapat bahan yang tidak halal dan tayyib. Islam tidak menghukum berdasarkan nama semata-mata akan tetapi melihat kepada hakikat dan isi kandungan sebenar sesuatu produk.

Sebagaimana kaedah Al- 'Ibrah Bi Al-Ma'ani La Bi Al-Asma' (pengiktibaran diberikan kepada makna, bukan lafaz). Namun bagi memastikan hukum yang dikeluarkan tepat, ulama' dan cendiakawan Islam perlu berijtihad dalam mengeluarkan fatwa lebih-lebih lagi kepada produk yang baharu. Kaedah istinbāt hukum sebagai contoh, kaedah taḥqīq al-manāt perlu dilaksana dengan kerjasama pihak pakar bagi meneliti semua kemungkinan dengan berhati-hati dan sistematik.

Atas sebab itu, penulisan ini bertujuan membuat tinjauan dan analisa kaedah fatwa yang dikeluarkan badan-badan berautoriti antarabangsa tentang hukum minuman bir tanpa alkohol. Malah, pandemik COVID-19 telah meninggalkan kesan yang amat mendalam terhadap pelbagai aspek kehidupan manusia. Ini termasuklah cara masyarakat menilai semula amalan pemakanan dan gaya hidup seharian (Rahmi, A. N. ,2022). Dalam konteks ini, timbul satu kesedaran baharu yang signifikan terhadap pentingnya gaya hidup sihat, bersih dan berpaksikan nilai-nilai halal.

Hal ini berpunca daripada dapatan awal berhubung penularan virus SARS-CoV-2 yang dikaitkan dengan amalan pemakanan haiwan eksotik yang tidak halal dan meragukan seperti kelawar yang dipercayai menjadi punca wabak bermula di Wuhan, China. Kebimbangan terhadap punca jangkitan ini telah membuka dimensi baharu dalam pemikiran masyarakat Islam dan bukan Islam untuk memberi perhatian bukan sahaja kepada status halal semata-mata, tetapi juga kepada aspek kebersihan dan keperluan menjaga kesihatan melalui sumber makanan yang diyakini suci dan selamat.

Bahkan, gaya hidup haiwan yang menjadi sumber makanan juga diberi perhatian, termasuklah persekitaran pembiakannya, cara penyembelihan, serta kebersihan dalam proses pengendalian makanan. Seiring dengan kesedaran ini, industri halal telah menunjukkan perkembangan yang luar biasa dalam pelbagai sektor seperti makanan dan minuman, kosmetik dan perubatan.

Perkembangan ini bukan sahaja ditunjangi oleh permintaan pengguna yang semakin cakna terhadap isu halal, malah turut disokong oleh peranan proaktif sesetengah kerajaan yang menyedari potensi besar industri ini dalam menjana pertumbuhan ekonomi mapan dan beretika. Namun, kemajuan industri halal tidak boleh hanya dilihat dari sudut keuntungan ekonomi dan pertumbuhan pasaran semata-mata.

Ia menuntut keterlibatan kerajaan secara aktif dalam memastikan setiap produk yang dipasarkan benar-benar memenuhi piawaian halal, sihat dan bersih, dengan mematuhi prinsip-prinsip syariah yang sebenar. Ini termasuklah peranan badan pensijilan halal, institusi fatwa serta penguatkuasaan terhadap standard kebersihan dan keselamatan makanan.

DEFINISI FATWA

Fatwa berdasarkan definisi kamus dewan ialah keputusan tentang sesuatu hukum agama (yg belum pernah diputuskan lagi) berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain, termasuk ijthad oleh mufti (atau mereka yg berwenang tentang keputusan hukum syarak). Ulama' terdahulu sudah memberikan takrif kepada fatwa antaranya Al-Mahalli (1982) menyatakan ianya adalah penerangan terhadap hukum yang tidak mengikat. Seterusnya takrifan Al-Jurjani ialah menjelaskan hukum bagi sesuatu masalah.

Ibn Hamdan (1397H) meletakkan fatwa sebagai penerangan hukum-hukum Allah swt yang disandarkan dalil syara' manakala Al-Qarafiy (2001) menambah, hukum Allah swt adalah dalam bentuk ilzam (yang mesti) atau ibahah (harus). Mufti sebagai mujtahid akan berijtihad berdasarkan kaedah pendalilan yang sahih dan hujahan syara' berlandaskan disiplin serta dhawabit tertentu secara individu atau kolektif (Muhammad Anas & Amir Fazlim 2024).

Ia tidak boleh dikeluarkan sewenang-wenangnya, sebaliknya menuntut kefahaman mendalam terhadap nas-nas syara' dan realiti semasa. Ulama kontemporari seperti Al-Qaradawi (1995) mendefinisikan fatwa sebagai penerangan hukum syarak terhadap sesuatu peristiwa, sama ada ditanya oleh individu atau kumpulan dalam konteks umum mahupun khusus. Al-Ashqar (1993) pula menyifatkan fatwa sebagai hasil ijthad terhadap dalil syarak bagi menjawab persoalan yang berlaku dalam realiti umat.

Dalam struktur syariat, terdapat komponen yang tetap (thabāt) seperti perkara usul dan prinsip utama Islam, serta aspek yang bersifat anjal seperti cabang hukum (furu') dan urusan keduniaan. Di sinilah fatwa memainkan peranan penting dalam menyesuaikan antara prinsip syarak dan keperluan semasa, seterusnya menjamin kesejahteraan ummah (Ismail & Baharuddin 2023).

Fatwa yang dikeluarkan secara bertanggungjawab bukan sahaja membantu mentarjih kemaslahatan (tahqiq al-maṣlaḥah) bahkan akan menolak kemudaratan (daf'u al-mafṣadah) apabila perilaku atau situasi mustafti diambil kira dengan penilaian yang bersesuaian (Ismail, 2020). Justeru, dalam dunia yang dinamik dan sentiasa berubah, fatwa menjadi instrumen syari'e yang penting dalam menerajui penyelesaian kontemporari dengan mentathbit asas agama.

KEDUDUKAN ARAK DALAM SYARIAT ISLAM

Sebelum membincangkan hukum berkaitan bir tanpa alkohol, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu kedudukan arak atau beer dalam syariat Islam. Arak bukan sekadar minuman memabukkan malah merupakan simbol kefasadan rohani dan jasmani. Larangannya bukan hanya bersifat kesihatan tetapi melibatkan aspek ketaatan kepada Allah SWT secara langsung. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib adalah najis daripada perbuatan syaitan. Maka jauhilah ia supaya kamu berjaya" (al-Quran. al-Ma'idah. 90).

Tafsir Ibnu Kathir menerangkan ayat ini bukan sahaja menetapkan pengharaman arak secara tegas dan jelas. Ia juga turut mengaitkannya sebagai strategi syaitan yang menggugat kejayaan dan keselamatan umat Islam. Realitinya, kesan buruk arak bukan lagi andaian. Ia dikaitkan dengan gangguan emosi, sifat panas baran, kerosakan jaringan otak serta kemerosotan daya ingatan.

Kajian menunjukkan 41% kes bunuh diri berpunca daripada ketagihan alkohol (Hanifah 2023), manakala ramai pesakit mental kronik mempunyai sejarah penyalahgunaan arak. Islam sebagai agama yang menolak sebarang bentuk kemudaratan, menetapkan kaedah yang tegas berdasarkan sabda Nabi SAW:

{ كُلُّ شَرَابٍ أَسْكَرَ فَهُوَ حَرَامٌ }

Maksudnya, "Setiap yang memabukkan adalah haram" (Hadis. Al-Bukhari. No. 5263 dan Muslim. No. 2001).

Namun, antara bentuk cabaran semasa ialah kemunculan produk moden yang menyerupai arak tetapi diberi nama lain seperti bir tanpa alkohol. Dalam hal ini, Rasulullah SAW telah mengingatkan dengan sabda baginda:

{ لَيْشْرَبَنَّ نَاسٌ مِنْ أُمَّتِي الْحَمْرَ يُسَمُّوْهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا }

Maksudnya, "Sesungguhnya akan ada dari umatku yang meminum arak, tetapi mereka menamakannya dengan nama yang lain" (Hadis. Abu Daud. No. 3688 dan Ibn Majah. No. 4020)

Hadis ini menunjukkan bagaimana taktik menukar istilah digunakan untuk menghalalkan sesuatu yang diharamkan. Justeru, pendekatan Islam bukan hanya menilai kandungan tetapi turut menilai kesan, bentuk, dan persepsi yang boleh mencetus kekeliruan terhadap hukum. Oleh itu, dalam membicarakan isu bir tanpa alkohol, kefahaman terhadap asas pengharaman arak perlu dijadikan tonggak utama.

Syariat Islam menuntut ketegasan terhadap segala yang mendekati manusia kepada kemudaratan, walaupun dibungkus dengan nama yang kelihatan ringan atau moden. Prinsip hati-hati dan waspada dalam pemeliharaan maruah umat Islam harus sentiasa diutamakan.

Definisi Alkohol

Bir tanpa alkohol merujuk kepada minuman yang mempunyai rasa seakan beer/ arak yang mengandungi alkohol pada kadar yang sangat rendah (Seabrook 2021), iaitu tidak melebihi 0.5% mengikut isipadu *ABV (Alcohol by Volume)*. Walaupun kandungan alkoholnya rendah, ia telah dikategorikan sebagai bukan arak oleh kebanyakan standard industri makanan dan minuman global.

Kewujudan bir tanpa alkohol telah mengalami pertumbuhan pesat, khususnya di negara-negara Barat. Perkembangan ini berkait rapat dengan peralihan gaya hidup masyarakat pasca pandemik covid-19 yang lebih menitikberatkan aspek kesihatan fizikal dan mental. Ramai pengguna kini lebih sedar akan kesan negatif alkohol terhadap kesihatan, namun dalam masa yang sama masih ingin mengekalkan gaya hidup sosial yang berkait dengan budaya 'minum arak'.

Seperti yang dinyatakan oleh laporan pasaran, "Rising health-consciousness among consumers of all ages has fueled demand for non-alcoholic beer... Consumers are more concerned about their health and are accepting paying more for food that is specifically good for health." (Jacobsen 2022) Dari segi komposisi, bir tanpa alkohol mempunyai kandungan alkohol jauh lebih rendah berbanding minuman keras lain. Sebagai perbandingan, bir biasa mengandungi antara 4% hingga 8% *ABV*, wain sekitar 11% hingga 15% *ABV*, manakala vodka dan spirit mencecah 40% hingga 50% *ABV* (Seabrook 2021).

Justeru itu, bir tanpa alkohol berada pada kategori yang tersendiri sebagai alternatif rendah alkohol yang tidak memabukkan. Penilaian dari sudut kadar alkohol sahaja

memperlihatkan perbezaan yang ketara di antara bir tanpa alkohol dan jenis-jenis arak yang lain. Namun cara produk ini diproses juga harus diperhalusi dan diambil kira. Ini kerana penulisan ini menumpukan kepada jenis bir tanpa alkohol yang dihasilkan tanpa melalui proses pembuatan arak seperti yang disepakati seluruh ulama' Islam. Ini merangkumi dua pendekatan utama:

- i. Penapaian yang dicegah awal, iaitu proses fermentasi dihentikan sebelum alkohol terbentuk, dan
- ii. Tanpa fermentasi langsung, iaitu formulasi produk dilakukan tanpa melibatkan yis atau penukaran gula kepada etanol. Pendekatan ini dianggap lebih selamat dan sesuai bagi pengguna Muslim kerana ia menghindari penggunaan alkohol sejak awal.

PENYATAAN MASALAH

Kewujudan produk moden seperti bir tanpa alkohol yang menyerupai arak sama ada dari segi rupa, rasa dan istilah/ nama telah menimbulkan polemik dalam kalangan umat Islam berhubung status halal dan haramnya. Meskipun kandungannya rendah alkohol dan langsung tidak memabukkan, penggunaan perasa seperti "beer" serta bentuk pembungkusan yang menyerupai arak boleh mencetus kekeliruan dalam masyarakat Islam.

Ini menimbulkan isu tashabbuh serta normalisasi terhadap simbol mungkar. Tambahan pula, terdapat perbezaan pendekatan dan ketetapan hukum dalam kalangan institusi fatwa antarabangsa terhadap bir tanpa alkohol. Oleh sebab itu suatu analisis terhadap kaedah istinbāt hukum yang digunakan oleh pelbagai institusi fatwa dalam menentukan hukum bir tanpa alkohol agar umat Islam mendapat panduan yang jelas dan sahih dalam berinteraksi dengan produk modern tersebut.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan kaedah analisis hukum daripada badan fatwa antarabangsa dalam menentukan status halal atau haram minuman bir tanpa alkohol. Penekanan utama diberikan kepada kaedah yang diaplikasikan. Pendekatan-pendekatan ini dinilai berdasarkan kesesuaian dengan realiti semasa dan maqāsid al-syarī'ah, terutamanya dalam menangani kemunculan produk moden yang menyerupai arak tetapi tidak memabukkan.

Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan kadar alkohol yang dibenarkan oleh sebahagian institusi fatwa serta justifikasi terhadap ketetapan tersebut. Analisis ini penting bagi menilai tahap toleransi syarak terhadap percampuran alkohol dalam kuantiti kecil yang tidak memberi kesan memabukkan, di samping mempertimbangkan aspek keselamatan pengguna, keperluan industri dan keharmonian prinsip syariah dengan amalan semasa. Melalui kajian ini, diharapkan dapat terbit kaedah-kaedah analisis hukum minuman bir tanpa alkohol yang lebih jelas di peringkat antarabangsa.

DAPATAN KAJIAN:

1. Fatwa-fatwa Antarabangsa Minuman Bir tanpa Alkohol

Negara/ Negeri	Tajuk Fatwa	Tarikh/ Rujukan	Hukum/ Ketetapan	Sumber/Link
Indonesia	Fatwa Produk Makanan dan Minuman yang Mengandung Alkohol/Etanol	28 Februari 2018	Produk fermentasi dengan < 0.5% alkohol hukumnya halal jika tidak membahayakan.	https://halalmui.org/
Qatar (IslamWeb)	Hukum minum bir tanpa alkohol	11-9-2001	Jika benar-benar tiada alkohol, maka harus diminum.	https://www.islamweb.net/

India (Darul Uloom Deoband)	Fatwa No. 1677/1200/L	Tahun 1432H	Tidak boleh diminum walau kandungan alkohol sedikit. Prinsip: 'apa yang memabukkan dalam jumlah banyak, haram walau sedikit'.	https://darulifta-deoband.com/
Singapura	Penggunaan Etanol dalam Perisa Halal	21 Februari 2025	Dibenarkan etanol dalam perisa $\leq 0.5\%$, dan dalam produk akhir $\leq 0.1\%$, asal bukan dari khamr.	https://www.muis.gov.sg/
International Union of Muslim Scholars (IUMS)	Hukum minum bir non-alkohol	Fatwa No. 33763 (IslamQA)	Jika tidak memabukkan, maka harus.	https://islamqa.info/
Malaysia (JAKIM - MKI)	Alkohol Dalam Makanan, Minuman, Pewangi dan Ubat-Ubatan	14-16 Julai 2011	Minuman dengan alkohol $< 1\%$ yang bukan dari arak dan bukan untuk tujuan memabukkan adalah harus.	https://www.e-fatwa.gov.my/
Johor	Etil Alkohol Dalam Makanan	29 Jun 2010	Minuman bukan arak dan tidak memabukkan adalah halal; kandungan alkohol $\leq 0.01\%$ dibenarkan.	https://www.e-fatwa.gov.my/
Pahang	Penentuan Kandungan Alkohol Yang Dibenarkan Dalam Makanan Dan Minuman	30 Disember 2011	Minuman ringan dengan alkohol $< 1\%$ harus; makanan/perisa dengan alkohol $< 0.5\%$ juga harus.	http://mufti.pahang.gov.my/
Sabah	Penamaan Makanan dan Minuman: Status Halal dan Isunya	23-24 Mei 2017	Tidak boleh dinamakan minuman halal dengan nama haram; elak unsur tashabbuh.	https://www.e-fatwa.gov.my/

2. KADAR ALKOHOL DALAM MINUMAN BIR TANPA ALKOHOL

Dapatan juga menyatakan kadar kandungan alkohol yang dibenarkan dalam sesuatu produk oleh beberapa institusi fatwa. Antara yang dikemukakan ialah pengelasan kadar alkohol yang dibenarkan atau sebaliknya, sebagaimana yang terkandung dalam keputusan fatwa institusi negara-negara Islam.

Kategori Kurang Daripada 0.01% Alkohol

Negeri Johor menetapkan bahawa minuman ringan yang mengandungi alkohol etanol tidak melebihi 0.01% adalah harus diminum dengan syarat ia bukan hasil daripada proses pembuatan arak dan tidak melalui cara penghasilan arak. Pendekatan ini berpandukan

prinsip *istihlāk*, iaitu larutan alkohol yang hilang sifat zat asalnya dan tidak lagi memberi kesan kepada rasa, warna, dan bau “*alcohol*” pada produk akhir. Pandangan ini menetapkan kadar yang amat rendah, selari dengan pendekatan *ihtiyat* (berhati-hati) dalam hukum pemakanan. Dengan penetapan kadar ini menyebabkan keupayaan untuk berlaku bahan asal tidak hilang sifatnya adalah sangat rendah.

Kategori Kurang Daripada 0.1% Alkohol

Singapura, menerusi Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS), memberikan kebenaran kepada produk yang menggunakan alkohol sebagai bahan pelarut dalam perisa makanan dengan kadar tidak melebihi 0.5% dalam perisa, dan tidak melebihi 0.1% dalam produk akhir. Fatwa ini merujuk kepada etanol yang bukan berasal daripada arak, dan hanya dibenarkan untuk tujuan teknikal seperti penghasilan perisa. Pendekatan ini mencerminkan keseimbangan antara prinsip masalah mursalah dan *istihlāk*, iaitu mengiktiraf keperluan industri makanan dan keharusan penggunaan bahan yang tidak lagi membawa kesan zat asal alkohol, dalam kadar minimum.

Kategori Kurang Daripada 0.5% Alkohol

Negara Indonesia, melalui fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI), membenarkan minuman yang mengandungi alkohol kurang daripada 0.5% selagi mana ia tidak berasal daripada *khamr* dan tidak memabukkan. Penetapan ini turut melibatkan penilaian dari sudut masalah dan pertimbangan realiti semasa industri makanan moden. Selain itu, ia disokong oleh pengesahan bahawa etanol yang terbentuk secara semula jadi atau sebagai hasil fermentasi makanan (bukan minuman keras) adalah tidak najis dan tidak haram jika dalam kadar tersebut.

Tiada Kadar Peratusan Khusus Alkohol Ditetapkan

Halal Sekiranya Tidak Dapat Dibuktikan Pengharamannya

Tokoh ulama terkenal Syeikh Ibn Uthaimin rahimahullah yang rujukannya digunakan oleh *International Union of Muslim Scholars* (IUMS) dan laman IslamQA, menetapkan bahawa semua makanan dan minuman adalah harus secara asal (*al-asl fi al-ashya' al-ibahah*) selagi tidak terdapat bukti qat'i pengharamannya. Oleh itu, beliau membenarkan bir tanpa alkohol tanpa meletakkan kadar khusus dengan syarat ia tidak memabukkan dan tidak terbukti berasal daripada arak. Pendekatan ini lebih bersifat umum dan bergantung kepada konteks semasa serta pengesahan teknikal produk.

Haram Kerana Bercampur Dengan Unsur Haram

Negara-negara seperti Qatar, India (Deoband) mengambil pendekatan mengharamkan secara mutlak bir tanpa alkohol tanpa melihat kepada kadar alkohol secara teknikal. Qatar menetapkan bahawa jika terdapat alkohol, walau sedikit, maka produk tersebut adalah haram. India pula berdasarkan hadis “*ما أسكر كثيره فقليله حرام*” mengharamkan bir tanpa alkohol walaupun kadar alkohol sangat kecil. Pengharaman penggunaannya juga adalah atas dasar tashabbuh.

PERBINCANGAN

Kaedah Penghasilan Hukum (Istinbāt Hukum)

Setelah membuat penelitian terhadap fatwa-fatwa antarabangsa terhadap bir tanpa alkohol, dapat dikesan tempat/perkara dalam perbincangan/ perselisihan ulama dalam memberikan hukum iaitu kaedah pengeluaran hukum, dan kedua ialah kadar alkohol yang diharuskan/ dibenarkan dalam minuman. Penetapan hukum berkaitan produk moden seperti bir tanpa alkohol memerlukan penelitian menyeluruh terhadap pendekatan usul fiqh yang diaplikasikan oleh institusi fatwa.

Berbeza dengan hukum-hukum bersifat qat'i yang telah diputuskan secara ijma', isu bir tanpa alkohol bersifat ijtihadi dan terbuka kepada pelbagai pendekatan ijtihad. Penelitian terhadap fatwa-fatwa dari institusi Islam pelbagai negara menunjukkan bahawa

pendekatan fiqh yang diambil antaranya termasuklah kaedah asas pencampuran dengan perkara memabukkan, *istiḥlāk*, *sadd al-dharā'i'*, *tashabbuh bil kufr* dan kaedah asas fiqh, *al-asl fi al-ashya' al-ibahah*.

Percampuran Dengan Bahan Yang Memabukkan

Pendekatan yang bersandarkan kepada nas hadis merupakan antara pendekatan paling tegas dalam menetapkan hukum terhadap bir tanpa alkohol. Prinsip ini berpegang kepada sabda Nabi Muhammad SAW:

{ ما أسكر كثيره فقليله حرام }

Maksudnya, “Apa yang memabukkan apabila banyak, maka sedikitnya juga adalah haram” (Hadis. al-Tirmizi. No. 1865).

Negara-negara seperti India (Darul Uloom Deoband), Qatar, dan institusi fatwa di Afrika berpegang pada prinsip ini. Mereka mengharamkan bir tanpa alkohol walaupun mengandungi alkohol dalam kadar sangat rendah. Ini kerana dianggap termasuk dalam kategori bahan yang mampu memabukkan. Bahkan, jika wujud percampuran walaupun sedikit, maka produk itu tetap dikira haram. Pendekatan ini turut mengambil kira prinsip berjaga-jaga dalam agama, iaitu meninggalkan perkara syubhah. Nabi SAW bersabda:

{ الحلال بيّن، والحرام بيّن، وبينهما أمور مشتبهات }

Maksudnya, “Yang halal itu jelas, yang haram itu jelas, dan antara keduanya ada perkara-perkara yang samar” (Hadis. al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, pendekatan ini menegaskan bahawa hanya minuman yang bebas 100% daripada alkohol, serta tidak menggunakan kaedah pembuatan arak dalam prosesnya sahaja yang boleh dianggap halal. Langkah ini dianggap langkah yang lebih selamat demi menjaga kesucian syariah dan kehormatan umat Islam daripada terjebak dalam keraguan.

Kaedah Istiḥlāk

Kaedah *istiḥlāk* merupakan pendekatan utama yang digunakan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia (MKI), Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor dan Pahang, Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) dan Majlis Ulama Indonesia (MUI). *Istiḥlāk* merupakan salah satu konsep penting dalam perbincangan fiqh berkaitan dengan penyucian dan kehalalan sesuatu bahan yang melibatkan najis atau unsur haram.

Dari sudut bahasa pula, menurut Ibnu Faris dalam Mu'jam Maqayis Al-Lughah, *istiḥlāk* berasal daripada perkataan Arab, *halaka* (هلك) yang bermaksud binasa atau hancur (Zizi Azlinda Mohd et al. 2022). Dalam istilah fiqh, *istiḥlāk* merujuk kepada pencampuran sesuatu bahan yang najis atau haram ke dalam bahan lain yang suci dan halal dalam kuantiti yang besar sehingga sifat asal bahan najis tersebut (dari segi rasa, warna dan bau) hilang sepenuhnya dan tidak lagi dapat dikenalpasti.

Mengambil contoh klasik, jika setitik arak jatuh ke dalam kolam air yang luas dan larut tanpa meninggalkan sebarang kesan, maka air tersebut tidak dianggap najis menurut konsep *istiḥlāk*. Juhur ulama termasuk dari mazhab Hanafi, Maliki dan beberapa pandangan dalam Syafi'i dan Hanbali, berpandangan bahawa jika bahan najis atau haram (bukan babi dan arak) telah hilang sifat asalnya melalui pencairan mutlak, maka ia tidak lagi memberi kesan kepada hukum asal sesuatu bahan (Abubakar & Abubakar 2021).

Dalam konteks bir tanpa alkohol, kandungan alkohol dalam kadar yang sangat kecil (kurang daripada 0.5%) dan tidak memabukkan dianggap hilang sifat asalnya dan tidak lagi membawa kepada hukum pengharaman. Kesan daripada penggunaan kaedah ini ialah produk seperti bir tanpa alkohol boleh diterima halal sekiranya alkohol tersebut tidak berasal daripada arak, tidak memabukkan dan tidak ditambah secara sengaja untuk meniru proses pembuatan arak. Manakala Singapura menetapkan kandungan alkohol dalam perisa tidak melebihi 0.5% dan dalam produk akhir tidak melebihi 0.1%.

Kaedah Sadd Al-Dharā'i'

Kaedah ini menekankan prinsip “menutup jalan kepada kemudaratan” dan digunakan secara tegas oleh institusi fatwa di beberapa negara seperti India (Darul Uloom Deoband), Qatar dan negeri Sabah di Malaysia. Prinsip ini mengharamkan perkara yang asalnya harus kerana berpotensi membawa kepada sesuatu yang haram. Kaedah Sadd al-dharā'i' merupakan salah satu prinsip penting dalam usul fiqh yang berfungsi sebagai mekanisme pencegahan terhadap sebarang perbuatan yang berpotensi membawa kepada kemudaratan (mafsadah).

Menurut definisi, Sadd al-dharā'i' ialah menutup segala jalan yang boleh membawa kepada perkara haram, meskipun perkara tersebut pada asalnya diharuskan oleh syarak. Al-Qurtubi mendefinisikan Sadd al-dharā'i' al-Zarā'i'e sebagai suatu tindakan mencegah perbuatan yang secara zahirnya harus, tetapi ditinggalkan kerana wujud unsur yang boleh membawa kepada kerosakan (Rashid et al. 2021). Justeru, perbuatan tersebut ditegah demi mengekang kemudaratan yang lebih besar. Prinsip ini sangat signifikan dalam menjaga maqāsid al-syarī'ah khususnya dalam melindungi akidah, akhlak dan maruah umat Islam.

Aplikasi kaedah ini turut menuntut agar umat Islam menjauhi segala bentuk perkara yang mendekatkan diri kepada perkara haram termasuk arak dan seumpamanya. Larangan bukan sahaja terhad kepada perbuatan meminum arak tetapi juga termasuk sebarang promosi, pengedaran atau penyerupaan yang membawa kepada normalisasi terhadap budaya haram tersebut.

Ini bertepatan dengan firman Allah dan sunnah Nabi SAW yang menekankan prinsip “jangan kamu menghampiri zina” (al-Isra': 32), dan ini boleh diqiaskan kepada arak dan lain-lain maksiat dan dosa besar. Bir tanpa alkohol, walaupun tidak memabukkan secara zat namun tetap dianggap membawa kepada normalisasi terhadap minuman arak kerana rasa, bentuk pembungkusannya serta persepsi umum.

Institusi fatwa seperti di India berpandangan bahawa kewujudan bir tanpa alkohol akan membuka ruang kepada umat Islam untuk akhirnya terjebak dengan arak sebenar. Begitu juga fatwa negeri Sabah dalam sigahnya, melarang penggunaan nama/istilah haram ke atas produk halal. Oleh itu, walaupun secara teknikalnya, kandungan alkohol dalam minuman bir tanpa alkohol adalah sifar atau hampir sifar, prinsip sadd al-dharā'i' menyebabkan ia tetap dihukum sebagai haram.

Kaedah Mengelak Tashabbuh

Kaedah ini melibatkan larangan menyerupai golongan fasiq atau bukan Muslim dalam amalan mereka, khususnya dalam perkara-perkara yang berkait dengan identiti dan budaya. Islam menetapkan garis panduan yang jelas dalam menjaga identiti dan jati diri umatnya. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Umar RA menyatakan:

{ مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ }

Maksudnya, “Barangsiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia adalah daripada kalangan mereka” (Hadis. Abu Daud).

Hadis ini menerangkan sebuah prinsip asas dalam membendung fenomena *tashabbuh* atau penyerupaan terhadap golongan bukan Islam khususnya dalam hal yang melibatkan fesyen, pakaian, amalan keagamaan atau perkara haram. Para ulama bersepakat bahawa menyerupai perkara yang sinonim dengan kekufuran atau maksiat adalah tidak digalakkan dan dihukumkan *makruh tahrimi*. Malah boleh membawa kepada haram jika menimbulkan kekeliruan akidah.

Penggunaan perasa seperti “beer” dalam produk halal atau meniru gaya hidup yang sinonim dengan budaya mungkar di barat bukan sahaja mencemarkan kesucian syariat malah boleh menormalisasikan simbol maksiat dalam minda generasi akan datang. Syariat Islam mengangkat maruah dan martabat umat dengan menjunjung prinsip kesucian akhlak serta menjauhi unsur yang merosakkan identiti Muslim sejati. Maka penolakan terhadap

simbol dan istilah yang membawa kekeliruan adalah sebahagian daripada penjagaan kemuliaan agama seperti yang dituntut dalam maqāsid al-syarī'ah (hifz al-din).

Negeri Sabah dan institusi Deoband di India berpegang kepada prinsip ini. Muzakarah Majlis Fatwa Sabah secara khusus menyatakan larangan menamakan makanan dan minuman halal dengan nama makanan atau minuman haram kerana ia membawa kepada kekeliruan dan tashabbuh. Prinsip ini mencerminkan keprihatinan terhadap penjagaan identiti umat Islam dan kesucian syiar Islam.

Kaedah Fiqhiyyah: Al-Aşlu Fī Al-Aşhyā' Al-Ibāḥah

Kaedah ini bermaksud hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus, sehingga terdapat dalil qat'i yang menunjukkan pengharamannya. Di dalam disiplin usul al-fiqh, kaedah *al-aşlu fī al-aşhyā' al-ibāḥah* merupakan cabang penting daripada kaedah induk yang dikenali sebagai *al-aşlu bara'at al-dzimmah* (الأصل براءة الذمة) yang bermaksud "asal seseorang adalah terlepas daripada beban hukum".

Kaedah ini diterima secara meluas oleh jumhur ulama termasuk mazhab Syafi'e (Mushaddad Hasbullah 2018), dan menjadi asas kepada prinsip bahawa sesuatu perkara yang tidak terdapat dalil pengharamannya dianggap halal/ harus pada asalnya. Prinsip ini menjadi penanda aras penting dalam memahami keluasan rahmat dan kemudahan dalam syariat Islam. Kaedah ini dijelaskan oleh firman Allah SWT:

﴿وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۗ اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لَآيٰتٍ لِّقَوْمٍ يَّتَفَكَّرُوْنَ﴾

Maksudnya, "Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti".

Ayat ini menunjukkan segala ciptaan Allah adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia melainkan terdapat dalil yang mengharamkannya. Hadis Rasulullah SAW turut memperkukuhkan asas ini, sebagaimana sabda Baginda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

"Apa yang telah dihalalkan oleh Allah maka halal, dan apa yang telah diharamkan maka haram, dan apa yang didiamkan maka ia adalah kemaafan. Maka terimalah kemaafan Allah, sesungguhnya Allah tidak lupa" (Hadis. al-Baihaqi).

Hadis ini menegaskan bahawa sesuatu yang tidak dinyatakan hukumnya secara jelas adalah termasuk dalam ruang keharusan. Kelebihan utama kaedah ini ialah kemampuannya mengangkat kesulitan (*rafa'al-haraj*) dan kesempitan hidup masyarakat Muslim dalam urusan keduniaan khususnya dalam hal muamalat, makanan dan minuman. Ia sejajar dengan maqāsid al-syarī'ah yang menekankan prinsip menolak kesusahan dan mudharat.

Dalam konteks negara yang telah tersusun dengan sistem pensijilan halal seperti Malaysia dan Saudi, penggunaan kaedah ini sangat bersesuaian. Wujudnya peraturan, agensi pemantau dan tanda cop halal pada produk makanan dan minuman menjadikan masyarakat tidak lagi perlu terikat dengan keraguan melampau. Justeru, kaedah *al-aşlu fī al-aşhyā' al-ibāḥah* memainkan peranan penting dalam memberikan panduan yang stabil, praktikal dan selaras dengan kemajuan sistem pengurusan halal yang sistematik.

Kaedah ini bukan sahaja meringankan beban masyarakat, bahkan menjadi dalil sokongan kepada keputusan-keputusan hukum kontemporari yang melibatkan barangan import, makanan sintetik, serta produk moden yang belum wujud pada zaman sebelum ini. Kaedah ini digunakan juga oleh ulama Arab Saudi seperti Syeikh Ibn Uthaimin dan dijadikan sandaran dalam laman sesawang IslamQA serta oleh International Union of Muslim Scholars (IUMS).

Dalam fatwanya, beliau menegaskan bahawa segala makanan dan minuman adalah harus melainkan terbukti ia memabukkan atau berasal daripada sumber yang haram. Maka

bir tanpa alkohol, menurut beliau, adalah harus selagi tidak terbukti memabukkan atau tiada kesan syarak yang lain.

Kaedah *Tahqīq al-Manāṭ*

Kaedah *tahqīq al-manāṭ* merupakan salah satu kaedah istinbāt yang penting dalam usul fiqh. Ia bermaksud sebuah penetapan melalui kajian, penelitian dan penyelidikan ke atas 'illah yang telah disabitkan hukumnya dalam syariat Islam. Menurut al-Amidi, *tahqīq al-manāṭ* ialah proses penelitian bagi memastikan sifat 'illah pada perkara *al-far'* yang diqiaskan pada *al-aṣlu*.

Dalam tradisi keilmuan Islam, pengeluaran fatwa berlaku dalam dua bentuk utama iaitu secara fardi (individu) dan secara ijtima'ie (kolektif). Fatwa fardi merujuk kepada keputusan hukum yang dikeluarkan oleh seorang mufti atau ulama berdasarkan ilmu dan keahlian peribadi. Sebaliknya, fatwa jama'ie merujuk kepada pendekatan kolektif yang melibatkan beberapa orang ahli yang pakar dalam pelbagai disiplin untuk mencapai keputusan bersama secara musyawarah.

Menurut Azmi dan Jusoh (2024), pendekatan ijtihad jama'i semakin relevan dalam menangani isu kontemporari yang kompleks dalam konteks dunia kontemporari yang penuh dengan cabaran baru. Ini kerana isu-isu semasa sering kali bersifat kompleks, melangkaui sempadan disiplin dan memerlukan penilaian daripada pelbagai sudut termasuklah aspek syariah, sains, teknologi, ekonomi, perubatan dan undang-undang. Maka, ijtihad kolektif menyediakan ruang untuk kepelbagaian pandangan dan penelitian yang lebih mendalam sebelum sesuatu hukum diputuskan.

Lebih penting lagi, pendekatan *jama'ie* ini mempermudah pelaksanaan kaedah *tahqīq al-manāṭ* dalam memanfaatkan tenaga pakar bidang spesifik dalam menentukan sifat perkara *al-far'* tepat dan sama dengan 'illah perkara *al-aṣlu* yang telah sabit dalam syariat. Dengan adanya pakar-pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan, kewangan Islam, kejuruteraan dan alam sekitar, setiap isu dapat diteliti dari pelbagai dimensi sebelum disatukan dalam satu kerangka hukum yang holistik.

Penetapan fatwa bir tanpa alkohol melibatkan kerjasama dengan ahli teknologi makanan dan industri minuman bagi menentukan proses penghasilan serta kadar sebenar alkohol yang terkandung. Gabungan ini bukan sahaja meningkatkan ketepatan fatwa, bahkan memelihara maqāṣid al-syarī'ah syariah dalam melindungi agama dan kesihatan umat.

PENUTUP

Secara keseluruhan, para ulama sepakat bahawa minuman yang tidak mengandungi alkohol dan tidak memabukkan adalah halal untuk diminum berdasarkan kaedah-kaedah yang telah dikemukakan. Dalam hal minuman yang mengandungi kadar alkohol yang sangat rendah dan tidak melalui proses pembuatan arak, para ulama juga cenderung mengharuskannya selagi ia tidak membawa kepada kemabukan.

Perbezaan pandangan fatwa antara institusi-institusi antarabangsa sebenarnya berpunca daripada pendekatan kaedah istinbāt hukum yang digunakan serta konteks sosio-budaya dan perundangan negara masing-masing. Di negara yang mempunyai sistem pensijilan halal yang mantap serta undang-undang ketat terhadap produk makanan dan minuman, fatwa menjadi lebih mudah dilaksanakan kerana masyarakat dilindungi melalui label halal yang diiktiraf.

Selain itu, kadar alkohol yang dibenarkan dalam minuman bir tanpa alkohol telah ditentukan melalui kerjasama erat antara ulama dan pakar dalam bidang makanan, perubatan dan sains. Hasil penelitian ini membuktikan bahawa fiqh bersifat anjal dan mampu menawarkan penyelesaian hukum berdasarkan maslahat dan realiti semasa umat Islam di pelbagai tempat. Dalam penilaian yang dijalankan terhadap fatwa minuman bir tanpa alkohol, dapat disimpulkan mufti, mujtahid, para ulama telah mengemukakan hujah yang kuat dan sesuai dengan realiti semasa Masyarakat dan setempat.

RUJUKAN

- Abu Daud, S. (2008). *Sunan Abu Daud* (Terj. Nasiruddin al-Khattab). Riyadh: Darussalam. (Hadis no. 4031).
- Al-Amidi, S. M. A. (n.d.). *Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. (Jil. 3). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Ashqar, M. S. (1993). *Al-Futya wa Manahij al-Ifta'*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Baihaqi. (n.d.). *Sunan al-Kubra*. Beirut: Dar al-Fikr. (Hadis no. 11543).
- Al-Bukhari, M. I. I., & Muslim, H. H. (n.d.). *Sahih al-Bukhari & Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Jurjani, A. M. A. H. A. H. (n.d.). *Al-Ta'rifat*. Kaherah: Maktabah Mustafa Bab al-Halabiy wa Auladuh.
- Al-Mahalli, S. M. (1982). *Hasyiah al-Bannani 'ala Matn Jam'u al-Jawami'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qaradawi, Y. (1995). *Al-Fatwa Bayn al-Indhibit wa al-Tasayyub*. (Cet. ke-2). Beirut: al-Maktab al-Islamiy.
- Al-Qarafi, S. A. A. A. I. A. S. (2001). *Kitab al-Furuq*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Suyuti, A. R. A. B. (1983). *Al-AsHbah wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, W. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. (Jil. 2). Damsyik: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, I. 'U. (2000). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. (Jil. 3, S. M. al-Salamah, Ed.). Riyadh: Dar Tayyibah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Zaydan, 'A. K. (1999). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Sharanbasiyy, Ramadan 'Aliyy al-Sayyid. (2002). *Ahkam al-Mirath Bayna al-Shari'ah Wa al-Qanun* (Edisi). Mansha'at al-Ma'arif, al-Iskandariyyah.

Jurnal

- Abubakar, A., & Abubakar, A. (2021). *Hukum Vaksin MR: Teori Istihālah Dan Istihlāk Versus Fatwa MUI*. Media Syari'ah: Wahana Kajian Hukum Islam dan Pranata Sosial, 23(1), 1-15.
- Hanifah, L. N. (2023). *Kajian Literatur: Faktor Yang Mempengaruhi Konsumsi Alkohol Dan Dampak Alkohol Terhadap Kesehatan Berdasarkan Teori Perilaku*. Media Gizi Kesmas, 12(1), 453-462.
- Ismail, A. M. (2020). *Fatwa Sebagai Mekanisme Pencegahan Penularan Pandemi COVID-19*. Journal of Fatwa Management and Research, 21(1).
- Ismail, A. M., & Baharuddin, A. S. (2023). *Prinsip Keanjalan Fatwa Menurut Perspektif Syarak*. Journal of Fatwa Management & Research, 28(3), 159-171.
- Jacobsen, J. (2022). *Non-Alcohol Beer Goes Mainstream: Moderation, Health And Wellness Fuel Consumer Interest In Alcohol-Free Beer*. Beverage Industry, 113(3), 19.
- Md Ariffin, M. F., Mohamad Riza, N. S., Hamdan, M. N., Nizam Md Radzi, M. S., Hanani Abdul Rahman, N. N., & Abdul Hamid, M. F. (2024). *Nama Haram Tapi Produk Halal: Pandangan Dari Perspektif Undang-Undang Malaysia Dan Hukum Islam*. Malaysia Journal Syariah & Law, 12(1), 157-173.
- Muhammad Anas, A., & Amir Fazlim, J. (2024). *Integrasi Ijtihad Jama'i (Kolektif) Dalam Institusi-Institusi Fatwa*. Pusat Penyelidikan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mushaddad Hasbullah, Z. M., & Mohamad Zaharuddin Zakaria. (2018). *Al-Aṣlu Fi Al-Ashya' Bayna Al-Ibahah Aw Al-Hazr: Pemakaiannya Dalam Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Journal of Fatwa Management and Research, 13(1), 15.
- Rahmi, A. N. (2022). *Literacy Halal Lifestyle Post Pandemic Covid-19*. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 26(2), 104-114. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/474>
- Rashid, A. M., Abd Hamid, N. A., Mohd Shariff, A. A., Bahori, A., & Mohiddin, M. (2021). *Aplikasi Kaedah Sadd Al-Dharā'ī' Al-Dharai Dalam Mengekang Persetubuhan Luar Nikah: Analisis Terhadap Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia Dan Brunei*. Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies, 43, 29-42.
- Seabrook, J. (2021). *Zero-Proof Therapy*. New Yorker, 97(30), 30-36.

- Zizi Azlinda Mohd, Y., Irwan Mohd Subri, & Nur Zaireena, Z. (2022). *Istihālah And Istihlāk: Analysis On The Manufacture Processes Of Porcine Base Medicine (Low Molecular Weight Heparin (LMWH))*. *Journal of Fatwa Management & Research*, 27(4), 1–14.
- Mohd Faez Mohd Shah & Noor Naemah Abdul Rahman. (2014). *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 4(1), 1-5.
- Azmi, M. A., & Jusoh, A. F. (2024). *Integrasi Ijtihad Jama'i (Kolektif) Dalam Institusi-Institusi Fatwa*. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 9(2), 52–63.

Internet

- Al-Qur'an al-Karim. (n.d.). Al-Qur'an dan Terjemahannya. <https://quran.com>
- IslamWeb. (n.d.). *Hukm Tanawul Sharab al-Sha'ir al-Khaliyy Min al-Kuhul*. <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/10249/حكم-تناول-شراب-الشعير-الخالوي-من-الكحول>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). Hukum minuman ringan yang mengandungi alkohol (seperti shandy). <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15448>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (n.d.). *Keputusan Muzakarah: Garis Panduan Penetapan Label Halal Bagi Minuman Mengandungi Alkohol Tidak Memabukkan*. <https://i-fiqh.islam.gov.my/portal/view.php?id=12212>
- Jabatan Mufti Negeri Pahang. (2011). *Penentuan Kandungan Alkohol Yang Dibenarkan Dalam Makanan Dan Minuman*. <http://mufti.pahang.gov.my/index.php/perkhidmatan/bahagian-fatwa/keputusan-fatwa/23-keputusan-fatwa-2011/77-penentuan-kandungan-alkohol-yang-dibenarkan-dalam-makanan-dan-minuman>
- Majelis Ulama Indonesia. (n.d.). *Hukum Alkohol Dalam Minuman*. <https://mui.or.id/baca/fatwa/hukum-alkohol-dalam-minuman>
- Majlis Ugama Islam Singapura. (n.d.). *Fatwa: Etanol*. <https://www.muis.gov.sg/resources/khutbah-and-religious-advice/fatwa/ethanol-malay>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.